

KENYATAAN AKHBAR

UNTUK SIARAN SEGERA

Futurise dan Iskandar Investment Meterai MoU Kerjasama Membangunkan Sukan Dron di Medini Iskandar Malaysia

Iskandar Puteri, 25 Ogos 2022 - Meneruskan usaha membangunkan industri dron, Futurise Sdn Bhd (Futurise) hari ini telah menandatangani memorandum kesefahaman (MOU) bersama Iskandar Investment Berhad (IIB) melalui anak syarikatnya, IIB Ventures Sdn Bhd (IIBV) untuk membangunkan program sukan dron melalui Akademi Kecemerlangan Sukan Dron (AKSADRON), sebuah institusi dron berprestasi tinggi yang dikendalikan Futurise. Kerjasama ini akan menerapkan program dan acara AKSADRON ke dalam Zon Dron & Robotik (DRZ Iskandar) yang terletak di Iskandar Puteri, Johor.

Majlis menandatangani MOU antara Futurise dan IIBV itu telah diadakan di Common Ground Iskandar Space @ Medini 6, Iskandar Puteri, dan disaksikan oleh YB Dato' Indera Mohd Shahar, Timbalan Menteri Kewangan 1 dan YB Tuan Mohd Hairi Mad Shah, Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia Negeri Johor.

Majlis itu menandakan perkembangan penting dalam usaha AKSADRON yang telah pun memulakan pembinaan hab sukan dron di Kuantan, Pahang pada Mac tahun ini. Matlamatnya adalah untuk membangunkan bakat tempatan sukan dron berprestasi tinggi dan *DroneTech* secara amnya, melalui acara perlumbaan dron, bengkel dan program latihan. Terletak di Tasik Paya Bungor, sekitar Paya Besar di Kuantan, Pahang, tapak ini berkeluasan kira-kira 3 ekar dan dikelilingi lagi oleh kawasan lapang yang sesuai untuk penerbangan dron berprestasi tinggi.

Penandatanganan hari ini menandakan perkembangan program ke wilayah semenanjung selatan dengan pembukaan Zon Dron & Robotik Iskandar untuk mempopularkan acara sukan dron dalam kalangan belia Johor.

Menurut Persatuan Industri Aeroangkasa Malaysia, Malaysia mempunyai potensi nilai sebanyak USD 12.13 bilion iaitu 4.3% daripada pasaran global. Phystech Venture juga dipetik dalam majalah Forbes bahawa pada tahun 2020 dan 2021 sahaja, terdapat pelaburan bernilai USD 5 bilion dalam teknologi dron oleh lebih 130 syarikat berbeza di pasaran global.

AKSADRON akan menjadi pemain utama dalam landskap terbaru ini dengan menyediakan platform untuk atlet dan jurutera dron untuk menambah baik teknologi dron.



Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Futurise, Rosihan Zain, "Usahasama antara AKSADRON dan IIBV akan meluaskan ekosistem sukan dron berprestasi tinggi dan mencipta momentum yang kita perlukan untuk menyaksikan perkembangan pesat sukan ini dalam negara."

IIBV menyokong penuh inisiatif ini untuk menjadikan Negeri Johor sebagai hub sukan dron antarabangsa. Zulfiqar Zainuddin, Pengarah Urusan IIBV menegaskan bahawa, "Kami yakin kerjasama ini akan memacu lebih banyak kejayaan dalam pembangunan industri dron serantau."

Antara rakan-rakan strategik yang dikenalpasti untuk terlibat dalam pembangunan sukan dron di Zon Dron & Robotik Iskandar adalah Malaysia Sports Aviation Federation (MSAF), Drone Racing Association Malaysia (DRAM), Kelab Remaja Udara Malaysia (KRUM), HAF Drones Sdn Bhd, Garuda Robotics Sdn. Bhd., SG Academy, Droneskaki dan DHL APIC (Asia Pacific Innovation Centre).


Tambah Rosihan lagi, "Ini adalah sukan yang di mana anak-anak tempatan kita berpotensi bersaing di peringkat antarabangsa, selain mengembangkan apresiasi dan kemahiran dalam teknologi dron. Terbukti sudah syarikat-syarikat dron negara sedang menyerlah di pasaran global, kini kita menyusul dengan sukan dron pula dengan harapan lebih banyak bakat dan minat dapat dipupuk dan menyemarakkan persekitaran teknologi dron di Malaysia."

YBhg Datuk Ir. Khairil Anwar bin Ahmad, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Iskandar Investment Berhad berkata "Kami amat berbangga untuk berkolaborasi bersama FUTUREISE. Inisiatif ini adalah konsisten dengan strategi jangka panjang Khazanah untuk Memajukan Malaysia dan aspirasi IIB untuk mengadakan sebuah ekosistem dron dan robotic di Iskandar Puteri. Visi IIB adalah untuk menggalakan pertumbuhan dalam bidang teknologi dan modal insan di Malaysia dan rantau Asia Pasifik. Inisiatif ini juga meningkatkan kepakaran inovasi anak Johor dalam melopori posisi Malaysia sebagai negara berteknologi tinggi pada 2030".

Menurut Pengasas Haf Drones Sdn Bhd dan Pengerusi DRAM, Mohd Fitri Reza, "Komuniti lumba dron menyambut baik usahasama ini. Kehadiran AKSADRON di sini membolehkan lebih banyak kerjasama teknikal dan latihan untuk manfaat sektor dron khususnya di Johor."

Turut diadakan di majlis tanda tangan MOU itu adalah forum "Masa Depan Sukan Dron di Malaysia". Selain beberapa panel yang mewakili rakan strategik, forum itu turut disertai oleh Ooi Li Lien dari Drone Academy Asia dan Kapten Ilyyaquila Fateen Binti Ismail dari Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM).

-TAMAT-



Mengenai Futurise

Futurise adalah anak syarikat milik penuh Cyberview Sdn Bhd di bawah Kementerian Kewangan, yang berperanan aktif sebagai Penasihat Dasar Awam Kementerian dan industri dalam membentuk dan menyediakan Malaysia untuk memasuki era ekonomi masa depan.

Syarikat itu telah diberikan mandat oleh Kerajaan Malaysia untuk mengetuai inisiatif Medan Ujian Regulatori Negara (National Regulatory Sandbox) dengan tujuan mempercepatkan penambahbaikan peraturan, melaksanakan inovasi dan rumusan teknologi serta membentuk ekosistem inovasi yang baharu.

NRS menawarkan pendekatan berwawasan terhadap peraturan industri, yang meminimumkan halangan dengan mewujudkan persekitaran ujian kawal selia terkawal. Inisiatif ini juga akan membantu Kerajaan untuk lebih memahami kepentingan kesan teknologi kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan modal insan berdasarkan prinsip 'campur tangan dasar berdasarkan data'.

Mengenai Iskandar Investment Berhad

Iskandar Investment Berhad merupakan pemain utama dalam transformasi di Iskandar Malaysia dalam menjadikan wilayah itu sebuah metropolis yang dikenali di peringkat antarabangsa. Ditubuhkan pada November 2006, tugas IIB adalah memastikan wilayah ekonomi itu meneruskan pencapaian cemerlang terutama dalam menjadi sebuah destinasi pelaburan yang menarik dan wilayah yang mempunyai kualiti hidup yang baik menerusi projek pemangkin dan berimpak tinggi.

Fokus IIB adalah pembangunan Iskandar Puteri dalam sektor pendidikan, kreatif, pelancongan, riadah serta kesihatan dan kesejahteraan. Antara pencapaian IIB utama IIB termasuk kejayaan dalam usaha sama dan pelaburan dan menjadi rakan kongsi pelaburan dalam EduCity, LEGOLAND Malaysia Resort, Iskandar Puteri dan Medini serta projek infrastruktur di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 di Iskandar Malaysia. IIB komited untuk memacu ekonomi dan pertumbuhan mapan alam sekitar di Iskandar Malaysia dan memastikan pertumbuhan inklusif untuk warga Iskandar menerusi peluang pekerjaan dan pendapatan.

Untuk keterangan lanjut mengenai IIB, sila lawati www.iskandarinvestment.com



Ikuti media sosial Futurise untuk maklumat terkini:

FB: <https://www.facebook.com/futurise.cyberjaya>

Instagram: <https://www.instagram.com/futuriseCyberjaya/?hl=en>

Linkedin: <https://www.linkedin.com/company/futurise/>

Twitter: <https://twitter.com/futuriseCyber?lang=en>

Untuk pertanyaan media, sila hubungi

Azrita Abdul Kadir

azrita@futurise.com.my

+6012 238 5664